

18/03/2000

Buang sikap taksub kepada pemimpin: PM

Ahmad Zaini Kamaruzzman; Hassan Omar

ALOR STAR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas kalangan masyarakat yang taksub kepada pemimpin mereka dan tidak sanggup mengambil iktibar daripada maksud sebenar korban iaitu meninggalkan sesuatu yang disayangi untuk kesejahteraan.

Perdana Menteri berkata, umat Islam perlu menghayati maksud sebenar korban yang bukan setakat menyembelih haiwan ternakan, malah yang lebih penting ialah meninggalkan sesuatu yang disayangi untuk kebaikan.

Menurut Dr Mahathir, umat Islam tidak seharusnya terlalu taksub kepada sesuatu ajaran yang dibawa pemimpin mereka hingga sanggup menyokong setiap perkara yang dilakukan pemimpin terbabit, meskipun menyedari ia salah.

Beliau yang mengaitkan korban dengan fahaman pada zaman jahiliyah, berkata sesetengah umat Islam hari ini masih berfahaman jahiliyah iaitu terlalu taksub kepada pemimpin mereka dan tidak sanggup berkorban meninggalkan kumpulan mereka untuk kesejahteraan.

Sehubungan itu, kata Dr Mahathir, jika ulama mampu menyampaikan pengajaran di sebalik ibadat korban, beliau percaya umat Islam di negara ini mampu bersatu-padu dan menikmati hidup lebih tenteram.

"Orang (pada zaman) jahiliyah taksub dengan kabilah mereka hingga kabilah buat yang salah, mereka akan sokong juga.

"Sedangkan Tuhan suruh kita korban, bermakna kita sanggup tinggalkan apa yang kita sayang untuk kebaikan," katanya pada sidang akhbar sejurus sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas ucapannya ketika berhari raya bersama penduduk Kampung Paya Sena di masjid kampung berkenaan, Pendang pagi ini.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Ditanya sama ada Perdana Menteri memaksudkan golongan masyarakat yang taksub kepada pemimpin mereka hingga tidak sanggup melakukan pengorbanan untuk kebaikan sebagai ahli atau penyokong Pas, Dr Mahathir berkata:

"Siapa yang makan cabai, dia rasa pedas. Terpulang kepada dialah sama ada rasa atau tidak."

Ditanya sama ada perkara yang sama masih berlaku pada segelintir ahli Umno yang masih menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr Mahathir berkata, ia terpulang kepada mereka.

"Masih ada orang yang kata, walaupun pemimpin (mereka) buat salah, mereka kata itu antara pemimpin dengan Tuhan. Mereka masih sokong," katanya.

Sementara itu, ketika berucap dalam majlis sambutan Aidiladha berkenaan, Dr Mahathir berkata umat Islam tidak seharusnya meletakkan korban hanya pada ibadat menyembelih haiwan ternakan, sebaliknya ia harus diterapkan sebagai satu daripada cara hidup.

Menurut Dr Mahathir, dengan mengambil pengertian meninggalkan sesuatu yang disayangi, umat Islam harus sanggup meninggalkan fahaman salah, terutama yang berkaitan dengan sesuatu perkara yang diajar oleh pemimpin mereka.

"Kita harus menerima korban sebagai panduan hidup. Sepanjang masa kita berkorban, iaitu memisahkan diri kita daripada yang kita sayang.

"Ramai yang menganggap korban ialah menyembelih lembu dan membahagikan dagingnya kepada orang lain tetapi itu bukan maksud sebenar korban,"

katanya.